

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
BAHAGIAN DASAR KEMENTERIAN  
PERTAHANAN MALAYSIA

NURUL SYUHADA BINTI OTHMAN

JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

2004

dn: 5254

1100045529

PERPUSTAKAAN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

Pengarang <i>Nurul Syuhada Binti Othman</i>	No. Panggilan <i>L1 14 FPE 1 2054</i>
Judul kathan industri di bahagian dasar . . .	

Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan

LI 19 FPE 1 2004



1100045529

## Laporan akhir latihan industri di Bahagian Dasar Kementerian Pertahanan Malaysia / Nurul Syuhada Othman.



PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU**

100045529

110045529

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

# **LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI BAHAGIAN DASAR KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**

**OLEH**

**NURUL SYUHADA BINTI OTHMAN**  
**Sarjana Muda Pengurusan**  
**(Polisi dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada  
  
**Jabatan Ekologi Sosial**  
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**  
**Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia**  
**(KUSTEM)**

**2004**

**1100045529**

### Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya **NURUL SYUHADA BINTI OTHMAN (UK 7053)** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



**Nama: NURUL SYUHADA BT OTHMAN**

**Tarikh: 14 OKTOBER 2004**

Disahkan oleh:

  


**En. Mohd Razali B. Abdullah  
Penyelia KUSTEM  
b/p Pengurus Latihan Industri  
Fakulti Pengurusan Ekonomi  
KUSTEM**

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya saya telah dapat menyiapkan satu laporan penuh berkenaan dengan Latihan Industri yang telah saya jalani di Bahagian Dasar, Kementerian Pertahanan Malaysia. Selama 12 minggu saya menjalani latihan di organisasi kerajaan tersebut, terlalu banyak pengalaman yang telah saya timba berserta pengalaman manis dan pahit yang tidak mungkin saya lupakan.

Di kesempatan ini, sekalung ucapan terima kasih di sulami dengan kasih sayang yang tidak terhingga di tujukan kepada kedua orang tua saya, iaitu En. Othman Hj Ismail dan Pn. Junaidah Zakaria yang tidak jemu-jemu memberi nasihat dan galakkan untuk saya belajar dengan lebih tekun lagi. Segala nasihat dan dorongan yang diberikan mencambahkan semangat kepada saya untuk meneruskan pengajian ini hingga ke tahap yang lebih tinggi lagi.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan di Bahagian Dasar ini terutamanya penyelia saya iaitu En. Mohd Hatta Nordin, SUB Dr. Ismail Othman, semua KPSU dan PSU yang banyak mengajar saya membuat tugas-tugas berkaitan pertahanan dan hubungan antarabangsa dan semua kakitangan lain yang begitu ramah menghulurkan bantuan kepada saya untuk mendapatkan beberapa maklumat bagi diselitkan di dalam laporan ini.

Ucapan terima kasih ini juga ingin saya tujukan kepada penyelia industri KUSTEM iaitu En. Mohd Razali bin Abdullah yang sendiri turun padang untuk memantau perkembangan saya ketika menjalani latihan ini. Beliau juga tidak jemu memberikan tunjuk ajar serta nasihat yang membina untuk saya belajar bersungguh-sungguh demi mencapai matlamat dan cita-cita saya. Galakkan dan bimbingan yang beliau berikan banyak membantu saya dalam mengejar ilmu ke tahap yang lebih tinggi lagi.

Akhir sekali, ucapan terima kasih ini saya tujukan kepada semua rakan seperjuangan yang sama-sama bertungkus-lumus memberikan yang terbaik semasa menjalani latihan di organisasi masing-masing. Kerjasama dan tunjuk ajar yang dikongsikan bersama dalam menghasilkan laporan masing-masing memberikan satu pengalaman yang sungguh bermakna kepada saya.

Sekian, terima kasih.

## RINGKASAN ABSTRAK

Latihan Industri yang telah pelatih jalani adalah di Kementerian Pertahanan Malaysia. Pelatih menjalani latihan ini selama 12 minggu bermula 22 Mac 2004 yang lalu. Pelatih telah diserapkan ke Bahagian Dasar Kementerian Pertahanan bersesuaian dengan jurusan bidang yang diikuti di universiti.

Kementerian Pertahanan merupakan kementerian yang menguruskan hal ehwal berkenaan dengan keselamatan negara dan hubungan antarabangsa. Menteri Pertahanan kini di sandang oleh Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, merangkap Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Kementerian ini merupakan satu-satunya kementerian yang mempunyai dua komponen pekerja iaitu komponen sektor awam dan tentera. Sektor awam di bawah Ketua Setiausaha iaitu Datuk Subhan Jasmon mempunyai beberapa jabatan dan bahagian yang melaksanakan tugas masing-masing. Bagi sekor tentera pula, di ketuai oleh Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM) iaitu Jen Tan Sri Dato' Seri Mohd Zahidi bin Hj Zainuddin.

Bahagian Dasar di kementerian ini menjalankan aktiviti menggubal dasar yang berkait dengan isu pertahanan serta menguruskan hubungan pertahanan dua hala dan pelbagai hala. Bahagian ini juga turut menjadi urusetia bagi Mesyuarat Lembaga Menteri dan Pos Kabinet. Bagi menjalankan tugas dengan lebih efisyen dan licin lagi, ia telah dipecahkan kepada lima unit yang diketuai oleh seorang Ketua Penolong Setiausaha yang dilantik. Unit-unit ini terdiri daripada Unit Hubungan Dua Hala, Unit Hubungan Pelbagai Hala, Unit Hubungan Organisasi Antarabangsa dan Tempatan, Unit Perancangan Dasar dan Isu Keselamatan serta Unit Pengurusan.

Sepanjang pengamatan, terdapat beberapa kelemahan dalam sistem kerja di kementerian ini. Namun kelemahan ini bukanlah satu perkara yang baru, tetapi ia masih perlu diberi perhatian. Pelatih telah mengemukakan beberapa cadangan penyelesaian yang sesuai digunakan bagi mengatasai kelemahan yang ada seperti membuat rombakan kerja, menghantar lebihan pekerja ke bahagian lain yang lebih memerlukan serta lain-lain lagi. Cadangan dan penyelesaian yang diberikan ini hanya akan berjaya sekiranya pihak kementerian mengambil tindakan yang wajar dengan segera. Ini penting dalam melahirkan pekerja yang benar-benar berkualiti dalam sesebuah organisasi.